

# M'sia negara tertinggi di Asia rekod mangsa scam berulang

KUALA LUMPUR: Malaysia menjadi negara tertinggi di Asia yang merekodkan jumlah mangsa berulang berkaitan jenayah penipuan dalam talian (scam) dengan lebih 2.5 kali jenayah itu berlaku terhadap mangsa yang sama.

Ketua Kelestarian CelcomDigi Philip Ling berkata menurut kajian Asia Scam Report 2024 oleh Global Anti-Scam Alliance, ia dilikuti dengan negara Hong Kong dan Thailand.

"Terdapat dua perkara yang merisaukan iaitu individu berulang kali menjadi mangsa scam dan mempunyai kemampuan rendah untuk membezakan jenayah berkaitan penipuan membabitkan Kecerdasan Buatan.

"Mangsa tidak belajar daripada kesilapan lampau. Ia amat merisaukan apabila mereka menjadi mangsa semula kerana tidak mempunyai kebolehan membezakan sumber...apabila mereka dihubungi pihak berkuasa, mereka tidak dapat membezakan sama ada pihak yang menghubungi itu palsu atau benar," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Sesi Libat Urus Anti Scam 'It's a matter of when' di Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR) di sini, yang dihadiri lebih 100 peserta yang terdiri daripada petugas agensi di bawah Kementerian Komunikasi, antaranya Jabatan Penerangan, Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) dan Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan Komuniti Madani. Beliau berkata dengan kursus dan libat urus seperti hari ini, peserta dapat berkongsi maklumat dan memberikan advokasi berkaitan jenayah itu kepada masyarakat setempat dengan lebih jelas dan mudah difahami.

"Kita perlu tahu bahawa mangsa scam ini tidak mendapatkan sistem sokongan yang mencukupi oleh orang di sekeliling. Mereka berasa takut, malu dan tidak tahu untuk mendapatkan bantuan," katanya. — Bernama

19/11/2024